

## **Di ambang negara berpendapatan tinggi – mengimbangi semula tumpuan pembangunan & pertumbuhan**

oleh

SAMIRUL ARIFF BIN OTHMAN

Pegawai Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>

Dalam sejarah dunia, tidak banyak negara yang mampu menyaingi pencapaian Malaysia merubah statusnya dari sebuah bekas tanah jajahan Inggeris menjadi sebuah “Harimau Ekonomi” Asia dalam masa beberapa dekad. Lazimnya bekas negara jajahan dibelenggu dengan konflik dalaman akibat dasar pecah dan perintah. Malah kita diakui oleh agensi-agensi antarabangsa di antara negara contoh dalam pelaksanaan dasar pembasmian kemiskinan dan pengagihan kekayaan.

### **Diiktiraf Bank Dunia**

Malaysia kini diklasifikasikan sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi dengan sebuah ekonomi yang sangat terbuka. Tidaklah menghairankan dengan pencapaian cemerlang seumpama ini, kita adalah di antara 13 negara yang dikenalpasti oleh Suruhanjaya Pertumbuhan dan Pembangunan Bank Dunia sebagai berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi purata sekurang-kurangnya 7 peratus setahun selama 25 tahun atau lebih dalam laporan “*Growth Report*” yang diterbitkan pada tahun 2008.

Hasil penilaian Bank Dunia mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi adalah terangkum dan kemiskinan tegar hampir dapat dibasmi. Manakala bilangan isi rumah yang hidup dibawah Pendapatan Garis Kemiskinan susut dari melebihi 50 peratus pada tahun 1960an ke sekitar satu peratus pada masa kini.

### **Di ambang negara berpendapatan tinggi**

Ketika mengharungi perjalanan mencapai wawasan 2020, dapatlah kita menilai semula pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) yang telah berlalu. RMK10 mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan.

Pada Mei 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) yang akan menjadi landasan hala tuju pembangunan lima tahun negara, dan ianya merupakan Rancangan Malaysia terakhir menjelang 2020.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Sebermulaanya Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil tampuk kepimpinan negara pada 3 April 2009, kerajaan telah melakarkan Dasar Transformasi Nasional, sebagai falsafah teras kepada pentadbiran negara dihitung dari tahun 2011 sehingga 2020. Dasar Transformasi Nasional ini, dirangka sebagai satu peta halatuju negara, dengan tujuan mentransformasi Malaysia secara tuntas dan holistik, demi melonjakkan kita sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dengan ekonomi maju.

Adalah diharapkan dengan segala rancangan ini, Malaysia akan menjadi lebih kompetitif baik di peringkat global mahupun regional, terutamanya menjelang penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Mengikut unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia mampu memenuhi takrifan Bank Dunia sebagai negara berpendapatan tinggi berdasarkan pendapatan negara kasar (GNI). Sungguhpun demikian kejayaan silam tidaklah menjamin pencapaian masa hadapan. Ini adalah kerana pemodelan ekonomi merupakan asas bagi unjuran.

Mengekstrapolasi, dari arah aliran ekonomi semasa hanyalah boleh dipercayai dan diguna pakai untuk tahun hadapan dan tahun seterusnya. Apabila garis waktu tempoh ramalan menjadi lebih lama, maka andaian-andaian yang dibuat akan berubah dan boleh dipersoalkan.

Jika diteliti, semasa proses pemodelan ekonomi dilakukan, hasil keluaran (output) ekonomi diunjurkan berdasarkan hasil input pada masa hadapan. Akan tetapi adalah mustahil untuk mengetahui dengan tepat hasil input pada masa hadapan. Jadi apa yang sebenarnya berlaku adalah input diekstrapolasi dari nilai input semasa pada ketika ini. Namun demikian struktur ekonomi sesebuah negara akan berubah apabila ia melalui fasa pembangunan. Umpanya Malaysia telah melalui perubahan fasa ekonomi yang pesat semenjak mencapai kemerdekaan. Sudah tentu ciri-ciri utama ekonominya seperti input juga turut berubah.

Dalam konteks ini, perubahan struktur ekonomi ini dapat ditunjukkan dengan jelas melalui teknik Input-Output (I-O). Analisa dilakukan keatas jadual I-O, yang merupakan akaun terperinci berkaitan transaksi pengeluaran dan penggunaan barangan dan perkhidmatan antara pengeluar dan pengguna dalam ekonomi Malaysia.

Walaupun kita telah mengalami transformasi ekonomi yang pesat, tetapi masih terdapat kemungkinan bahawa kadar pembangunan ekonomi yang pantas tidak dapat dikekalkan dan seterusnya berlaku penyahpecutan dalam kadar pertumbuhan ekonomi. Sebenarnya perkara seumpama ini pernah berlaku terhadap ekonomi beberapa negara dunia dan dikaitkan dengan beberapa faktor penyebab.

### **Potensi besar ASEAN**

Malaysia bernasib baik kerana terletak di sebuah kawasan ekonomi yang diakui dinamik dan progressif. Kini, ASEAN telah muncul sebagai bukan sahaja kuasa besar ekonomi di rantau Asia bahkan juga di pentas utama ekonomi dunia. Kita boleh memanfaatkan perkara ini dengan mengambilkira kelebihan intrinsik ASEAN dan prospeknya untuk terus maju. Seterusnya pencapaian ekonomi kita akan melebihi prestasi ekonomi global.

Sungguhpun demikian jika dikaji, hasil penelitian akan menunjukkan terdapat ketidakseimbangan dalam pembangunan & pertumbuhan. Memanglah terdapat beberapa wilayah di Malaysia berada pada kedudukan geografi yang agak terpencil selain dari kesan peninggalan warisan penjajahan yang turut memberikan kesan negatif. Selain dari itu kesalinghubungan (connectivity) fizikal umpunya rangkaian jalanraya, landasan kereta api dan pelabuhan semuanya memainkan peranan membantu merencanakan aktiviti ekonomi.

Perangkaan menunjukkan menjelang tahun 2020 hanya beberapa negeri akan mencapai sasaran menjadi ekonomi berpendapatan tinggi dalam tempoh yang direncanakan manakala negeri-negeri lain akan mengambil masa yang lebih lama untuk mencapai sasaran tersebut. Negeri-negeri yang ketinggalan ini memerlukan perhatian perhatian Kerajaan Pusat dan Negeri untuk tumbuh pada kadar yang lebih cepat supaya mereka tidak ketinggalan. Ketidakseimbangan dalam pertumbuhan perlu diambilkira ketika merangka pelan pembangunan. Tidak sepatutnya ada keciciran dalam pembangunan ekonomi wilayah.

### **Kesimpulan**

Untuk menjayakan hasrat integrasi ekonomi regional dalam kerangka ASEAN sepatutnya berlaku penyeimbangan tumpuan pembangunan dan pertumbuhan dalam Malaysia. Nampaknya pembangunan ekonomi wilayah dan koridor mempunyai peranan yang penting untuk dijayakan.